

Semasa berucap di Ceramah Ho Rih Hwa di Suntec City semalam, Perdana Menteri Lee Hsien Loong membentangkan cabaran yang bakal dihadapi Singapura pada masa depan. Tiga cabaran utama ialah ekonomi, penduduk dan identiti Singapura. Berikut sedutan ucapan beliau.

PM Lee: Kekalkan identiti unik S'pura cabaran paling besar



TREND SINGAPURA: Antara carta yang dipamerkan Encik Lee semasa memberi ucapan untuk menekankan trend yang boleh menjejaskan pembangunan Singapura di masa depan. – Grafik MOHD SAMAD AFANDIE

APAKAH cabaran yang kita hadapi hari ini?

Ia bergantung kepada tempoh masa. Sekiranya anda mengambil masa 10 tahun, cabarannya ialah ekonomi.

Kita telah mencapai tahap yang tinggi dari segi Hasil Kasar Dalam Negeri (GDP). GDP per kapita Singapura adalah setinggi Jepun.

Namun kita perlu mencari jalan mengembangkan ekonomi supaya kita dapat terus membaiki kehidupan rakyat.

Jika kita dapat terus memperingkatkan diri, dalam masa 10 tahun, kita akan berada dalam liga yang berbeza.

Kita boleh membuat pelaburan bagi rakyat, mampu membiayai jaringan keselamatan sosial, membaiki kehidupan dan pelbagai program lain. Sekiranya kita gagal, ekonomi Singapura lemah dan kita keterbelakangan, seperti apa yang kini dialami beberapa negara – Taiwan, Korea, malah Jepun.

Sekiranya kita mengambil tempoh 25 tahun, isu penduduk akan menjadi isu penting kerana ekonomi akan mengalami kerancakan dan kelembapan. Dalam jangka panjang, 25 tahun ialah jangka masa yang panjang bagi trend kelahiran dan perkahwinan dan dasar-dasar keibubapaan dapat berakar dan mempunyai kesan langsung.

Perbezaan antara jumlah kadar kesuburan (TFR) 1.2 dan TFR sebanyak 1.5 ialah 9,000 bayi setiap tahun, atau lebih 200,000 bayi lagi yang dilahirkan dalam tempoh 24 tahun.

Sekiranya kita berupaya meningkatkan TFR kita kepada 1.5, kita dapat memastikan penduduk Singapura kekal lebih muda dan bertenaga. Namun sekiranya TFR Singapura terus merudum pada paras 1.2, tugasnya adalah lebih sukar, walaupun dengan dasar-dasar imigresen.

Masyarakat yang semakin mengecil akan juga menjadi masyarakat yang semakin tua, dan ia akan membawa masalah yang be-

gitu besar – ekonomi Singapura akan merosot dan menjadi lembap, dan nada keseluruhan masyarakat Singapura tidak lagi muda dan berpandangan jauh, tetapi lebih pesimistik, lebih berorientasikan status quo atau memegang kepada masa lalu.

Akhir sekali, sekiranya anda mengambil masa 50 tahun, cabaran yang akan dihadapi Singapura ialah identiti.

Asas-asas utama mengapa kita telah berjaya sejak 50 tahun yang lalu bukan sahaja kerana dasar-dasar yang baik. Namun kerana penduduk Singapura menyokong dasar-dasar baik ini, kita dapat melaksanakan dan menghasilkan keputusan yang baik untuk Singapura.

10 TAHUN: EKONOMI KITA

Dalam tempoh 10 tahun, cabaran utama ialah ekonomi kita.

Singapura dalam kedudukan baik hari ini kerana ekonomi Singapura telah berkembang sejak 50 tahun lalu.

Sejak kemerdekaan, GDP sebenar telah meningkat 40 kali ganda dalam tempoh 50 tahun. GDP per kapita telah meningkat 13 kali ganda. Kita telah menikmati pertumbuhan tinggi sejak 50 tahun lalu. Pertumbuhan kekal tinggi, tetapi ia kini semakin perlahan kerana ekonomi Singapura kini semakin maju.

Dalam dekad yang lalu, pertumbuhan daya penghasilan telah menurun. Ia bukan sesuatu yang mengejutkan kerana ekonomi Singapura semakin matang. Namun kita berupaya mengembangkan tenaga kerja – separuh menerusi bilangan penduduk, dan separuh lagi menerusi tenaga kerja asing.

Namun kita tidak boleh terus mengambil bilangan pekerja asing pada kadar yang tinggi, hanya untuk mengekalkan pertumbuhan.

Saya memahami kebimbangan pembanjaran pekerja asing – dan kesannya kepada perumahan, pengangkutan awam atau persaingan pekerjaan.

Oleh itu, kita telah memperlakukan aliran masuk pekerja asing, dan menerima kesannya menerusi pertumbuhan yang lebih perlahan. Namun kita perlu memperlakukan pengaliran pekerja asing dengan cara yang teratur dan seimbang, tanpa menyebabkan syarikat-syarikat dan juga Syarikat Kecil dan Sederhana (SME) tutup kedai dan menyebabkan pekerja kita kehilangan pekerjaan.

Dari sekarang hingga 2020, kita tahu pertumbuhan pekerjaan tidak akan melebihi 2 peratus.

Generasi selepas Perang Dunia Kedua kini mula bersara dan kita tidak mempunyai terlalu ramai tenaga muda yang memasuki alam pekerjaan. Kita telah memperketatkan dasar tenaga kerja asing, dan seperti kata Lim Swee Say baru-baru ini, kita tidak akan membuat pusingan U mengenai isu ini. Ini bermakna kita perlu memastikan pertumbuhan daya penghasilan 2 peratus setahun.

Untuk merealisasikan pertumbuhan daya penghasilan 2 peratus bukanlah mudah. Banyak negara membangun mendapati sukar, selepas Krisis Kewangan Sejagat. Kita juga tidak mencapai 2 peratus sejak beberapa tahun lalu.

25 TAHUN: PENDUDUK KITA

Kita alami anjakan demografi besar sedang bayi yang dilahirkan selepas Perang Dunia Kedua bertambah tua. Pertumbuhan penduduk Singapura kini semakin perlahan. Tahun ini pertumbuhan penduduk merupakan paling perlahan dalam tempoh 10 tahun.

Tahun lalu penduduk di sini tumbuh hanya 1.3 peratus.

Bilangan warganegara yang berumur 65 tahun ke atas juga meningkat dengan pantas. Ia tumbuh daripada 220,000 pada tahun 2000 kepada 440,000 hari ini dan 900,000 menjelang 2030.

Hari ini, setiap lima orang dewasa menyokong seorang warga emas.

Menjelang 2030, dua orang de-

wa akan menyokong seorang warga emas. Sekiranya anda melihat piramid penduduk kita, penduduk Singapura semakin tua, dengan kebanyakannya dalam lingkungan umur 50-60 tahun.

Apakah kesan penuaan ini bagi negara?

Dari segi cukai: Siapakah yang akan membayar cukai, untuk dibelanjakan untuk siapa?

Dari segi ekonomi: Bagaimana dapat kita kekalkan Singapura menjadi makmur dan terus bersemangat?

Dari segi pertahanan: Siapakah yang akan berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata Singapura (SAF), dan mempertahankan Singapura?

Kita telah pun melihat kesan-kesan penduduk hari ini yang semakin tua.

Lebih banyak keluarga “sandwic” – yang sering mempunyai dua atau hanya seorang dewasa menyokong kanak-kanak dan ibu bapa yang tua.

50 TAHUN: IDENTITI KITA

Akhir sekali, dalam jangka masa 50 tahun, cabarannya adalah identiti kita. Bagaimana kita mengukuhkan identiti dan ciri-ciri negara dan masyarakat kita? Bagaimana kita mengukuhkan apa yang menjadikan kita unik sebagai rakyat Singapura, apa yang membantu setiap warga kita dan Singapura secara keseluruhannya menjadi lebih baik.

50 tahun yang lalu, ketika kita mencapai kemerdekaan, kita tiada tempat lain untuk hidup. Encik Lee Kuan Yew sering berkata: “Dunia tidak menjanjikan kita kehidupan”. Namun oleh kerana cabarannya besar dan kita tidak mempunyai pilihan, kita rasakan ada tujuan bersama untuk membina negara ini.

Ramai yang terdorong, termasuk mereka yang dilahirkan di negara lain, tetapi sedia menjadikan negara ini kediaman dan perjuangan mereka.

Bagi 50 tahun mendatang, bagaimana kita kekalkan rasa kene-

garaan ini, dan mengukuhkan identiti dan tujuan yang sama, supaya rakyat kita mahu menjadikan Singapura satu kejayaan dan cahaya yang bersinar di dunia?

Sedang kita maju, kita menghadapi dua bahaya. Kita boleh larut dalam arus globalisasi tanpa ada identiti Singapura tersendiri, yang berbeza daripada rakyat bukan Singapura.

Atau kita boleh mengikut jurang kumpulan yang berbeza dengan identiti eksklusif masing-masing, sekali gus hilang rasa sebangsa.

Masyarakat kita boleh larut dalam arus globalisasi. Bahayanya ialah kita boleh menjadi masyarakat yang tidak bersatu padu membiarkan garis pemisah memecahbelahkan kita.

Begitu juga dengan kuasa besar, kerana kita masih sebuah masyarakat berbilang kaum dan perjalanan masih jauh lagi sebelum kita kebal daripada pengaruh perkauman atau kepentingan komersial.

Bagi memastikan Singapura kekal istimewa, memastikan keinginan menjadi warga Singapura sesuatu yang boleh dibanggakan, sesuatu yang ingin kita perjuangkan; merasakan tugas dan tanggungjawab bukan sahaja kepada warga negara masa kini bahkan generasi masa depan, merasakan semangat bersatu padu dan bukan puak yang bertelagah – itulah cabaran masa depan kita yang paling besar.

Namun kesemua rancangan ini bergantung kepada kepimpinan yang baik. Pemimpin yang mempunyai rasa tanggungjawab, komited sepenuhnya kepada Singapura dan rakyat Singapura. Pemimpin yang berupaya memenangi sokongan rakyat dan menggembleng rakyat. Pemimpin yang berupaya berganding bahu dengan rakyat demi menjadikan 50 tahun yang mendatang sama cemerlang dengan 50 tahun yang lalu.

Agar kita dapat memberikan generasi masa depan bukan hanya kehidupan yang baik bahkan masa depan yang lebih bercahaya.

SEKILAS

Trend Penduduk 2014

► Singapura menyaksikan 24,000 perkahwinan, jumlah tertinggi sepanjang 10 tahun lalu.

► 33,200 bayi dilahirkan. Jumlah kelahiran pada tahun lalu dengan jumlah pada 2012 adalah paling tinggi dalam tempoh 10 tahun lalu.

► Pertumbuhan tenaga kerja asing telah merosot.

► Jumlah warga berusia 65 tahun dan ke atas akan berganda mulai sekarang dengan 2030, akibatnya jumlah warga yang bekerja akan merosot lebih separuh.

► Kadar pertumbuhan penduduk adalah terendah tahun lalu sepanjang sedekad.

Trend Ekonomi

► Kadar pertumbuhan hasil kasar dalam negeri (GDP) semakin perlahan.

► Anggaran pertumbuhan ekonomi akan datang sekitar 2 - 4 peratus.

► Mulai sekarang hingga 2020 pertumbuhan pekerjaan tidak akan melebihi 2 peratus.

► Singapura harus capai pertumbuhan daya penghasilan 2 peratus setiap tahun.

Identiti Singapura

► Singapura hadapi dua cabaran: Hilang identiti Singapura yang unik

► Masyarakat menghadapi risiko berpecah belah mengikut garis pemisah kaum dan agama, isu LGBT, jurang sosial (miskin dan kaya) dan pengaruh kuasa luar seperti ideologi ganas.

► Singapura perlukan pemimpin bertanggungjawab, boleh gembleng sokongan rakyat.